

26/10/2003

AS perlu buktikan Anwar pegganas

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, terpulang kepada Amerika Syarikat untuk membuktikan tuduhan sama ada bekas Timbalan Perdana

Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim benar-benar terbabit dengan organisasi yang membiayai kegiatan pegganas.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak tahu sama ada bekas timbalannya itu (Anwar) tahu atau sebaliknya bahawa organisasi Institut Antarabangsa Pemikiran Islam (IIIT) yang pernah dianggotainya itu terbabit membiayai kegiatan pegganas.

"Kadang-kadang kita tidak tahu hubungan kita dengan organisasi seperti itu. Kita ingat mereka buat yang betul dan kita sokong tetapi dia buat benda lain yang kita tidak tahu.

"Saya tidak tahu sama ada Anwar tahu atau tidak berkenaan perkara itu...ada kegiatan lain...tetapi terpulang pada Amerika Syarikat membuktikan jika IIIT terbabit dengan kegiatan pegganas," katanya ketika

diminta mengulas laporan stesen televisyen Australia baru-baru ini, yang mendakwa IIIT di Washington dituduh Amerika Syarikat membiayai kegiatan pegganas.

Beliau berkata demikian pada sidang media di Lapangan Terbang Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM), Subang, dekat sini semalam, selepas mengadakan lawatan dua hari di Port Moresby, Papua New Guinea.

Program Dateline SBS TV Australia yang melaporkan IIIT pernah dianggotai

Anwar sebagai seorang daripada tiga pengarahnya, dituduh di Amerika Syarikat membiayai kegiatan pegganas.

Laporan itu juga mendedahkan IIIT menghantar sejumlah besar wang, dipercayai RM300,000, kepada anak perempuan Anwar, Nurul Izzah, sebagai biasiswa walaupun jumlah itu melebihi apa yang diperlukan untuk pengajiannya.

Ditanya sama ada ada laporan seperti itu satu lagi cubaan untuk menjejaskan imej negara yang dikaitkan dengan pegganas, beliau berkata apa yang pasti Malaysia tidak terbabit.

"Kita sedar ada orang Malaysia terbabit dengan kegiatan al-Qaeda dan kita sudah ambil tindakan," katanya.